



LAPORAN

TAHUNAN

2000

ANNUAL

REPORT



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

KANDUNGAN

CONTENTS

Ikrar	2	Pledge	58
Budaya Korporat	3	Corporate Culture	59
• Wawasan • Misi • Objektif Operasi • Dasar Kualiti		• Vision • Mission • Operational Objectives • Quality Policy	
Maklumat Korporat	5	Corporate Information	61
• Penubuhan dan Fungsi • Anggota Lembaga • Pengurusan Eksekutif • Pengurusan Kanan • Struktur Organisasi		• Establishment and Functions • Members of the Board • Executive Management • Senior Management • Organisation Structure	
Perutusan Pengerusi	13	Chairman's Message	69
Ulasan Ketua Eksekutif	14	Chief Executive's Review	70
Pencapaian Operasi	17	Operational Performance	73
• Penaksiran • Pungutan • Pematuhan		• Assessment • Collection • Compliance	
Perhubungan Antarabangsa	20	International Relations	76
• Dasar • Perjanjian Pengelakan Pencuciaan Dua Kali • Persidangan Antarabangsa		• Policy • Double Taxation Agreement (DTA) • International Conferences	
Pengurusan Dan Pembangunan Sumber Manusia	25	Human Resource Management and Development	81
• Tenaga Kerja • Program Latihan		• Manpower • Training Programmes	
Peningkatan Infrastruktur Sistem	28	Upgrading of Infrastructure System	84
• Pemodenan Sistem Hasil • Peningkatan Sistem STS dan STTS • Perancangan Tahun 2001		• Modernisation of Revenue System • Upgrading of SAS and CYS Systems • Planning for the Year 2001	
Sistem Taksir Sendiri (STS)	29	Self Assessment System (SAS)	85
• Perundangan • Pelaksanaan		• Legislation • Implementation	
Pindaan Undang-Undang Percukaian 2001	31	Amendments to the Tax Law 2001	87
• Akta Cukai Pendapatan 1967 • Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 • Akta Setem 1949 • Akta Cukai Pendapatan (Pindaan) 2000		• Income Tax Act 1967 • Petroleum (Income Tax) Act 1967 • Stamp Act 1949 • Income Tax (Amendment) Act 2000	
Peristiwa Tahunan	33	Events of the Year	89
Laporan Kewangan	37	Financial Report	93
• Sijil Ketua Audit Negara • Penyata Pengerusi dan seorang Anggota Lembaga Hasil Dalam Negeri • Pengakuan oleh Pegawai Utama • Kunci Kira-Kira • Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan • Penyata Aliran Tunai • Nota-nota kepada Akaun		• Certificate by the Auditor General • Statement by the Chairman and a Member of the Inland Revenue Board • Declaration by the Principal Officer • Balance Sheet • Income and Expenditure Statement • Cash Flow Statement • Notes to the Accounts	
Direktori	53	Directory	109

IKRAR

IKRAR LHDN

Bahawa kami, pegawai-pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri berikrar akan,


- menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami mencapai matlamat organisasi kami;
- memungut jumlah cukai yang sepatutnya mengikut undang-undang negara;
- melahirkan kepercayaan orang awam terhadap keadilan dan keunggulan pentadbiran percukaian;
- mendorong orang awam membayar cukai-cukai sepatutnya secara sukarela.

Dan berazam

- menjalankan tugas-tugas kami dengan cekap, berkualiti dan berkesan;
- memberikan perkhidmatan yang segera dan mesra;
- mengamalkan sikap-sikap amanah, jujur, penuh tanggungjawab dan positif;
- sentiasa berusaha meningkatkan imej Lembaga Hasil Dalam Negeri.

MESRA • BUDAYA

KORPORAT





BUDAYA KORPORAT

WAWASAN

- LHDN dikenali sebagai pentadbir cukai yang terulung di rantau ini dan merupakan agensi Kerajaan yang terbaik di negara ini;
- Pewujudan suatu sistem pengurusan percukaian yang adil, telus dan dihormati;
- Pengurusan LHDN senantiasa peka kepada kebajikan pekerjaannya, memberi peluang kemajuan kerjaya kepada setiap pekerja dan mengiktiraf kecemerlangan individu;
- Pegawai dan staf LHDN merupakan pekerja yang komited untuk mencapai kecemerlangan dalam menghasilkan kerja yang berkualiti dan memberi perkhidmatan yang cekap kepada pelanggan;
- Orang awam mempunyai keyakinan yang tinggi terhadap keadilan sistem percukaian negara.

MISI

LHDN adalah komited untuk memungut cukai yang sepatutnya dengan adil, cekap dan amanah, pada kos yang berpatutan dan dengan kualiti perkhidmatan yang cemerlang kepada pelanggan.

Ini akan dicapai dengan: -

- Membangunkan tenaga kerja yang mahir dan meningkatkan profesionalisme secara berterusan untuk menghadapi cabaran dan sekitaran yang senantiasa berubah;
- Memperkemas pentadbiran cukai serta mempermudah undang-undang percukaian;
- Memberi perkhidmatan yang mesra, adil dan tegas sepanjang masa;
- Memupuk kesedaran orang awam ke arah melahirkan pembayar cukai yang bertanggungjawab;
- Mempertingkatkan pematuhan cukai secara sukarela.

OBJEKTIF OPERASI

- Memungut jumlah cukai yang sepatutnya tanpa menimbulkan bebanan yang tinggi kepada orang awam dengan kos yang minimum kepada Kerajaan;
- Melahirkan kepercayaan orang awam terhadap keadilan dan keunggulan sistem percukaian masa kini;
- Mendorong orang awam untuk tampil ke hadapan membayar cukai yang sepatutnya secara sukarela.

DASAR KUALITI

Kami adalah komited dalam memberi perkhidmatan yang berkualiti kepada pelanggan kami secara profesional. Kami akan memastikan anggota kami berkhidmat ke arah kecemerlangan. Berasaskan prinsip ini dan didukung oleh Ikrar Lembaga Hasil Dalam Negeri, kami akan menjadikan perkhidmatan berkualiti sebagai cara hidup kami.

MESRA •
MAKLUMAT



**MEMBANTU
MEMUASKAN
MESRA**

KORPORAT

• MEMUASKAN



MAKLUMAT KORPORAT

PENUBUHAN DAN FUNGSI

PENUBUHAN

1 Mac 1996

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995 (Akta 533).

FUNGSI

SEKSYEN 10
AKTA 533

“...untuk bertindak sebagai ejen Kerajaan dan memberi perkhidmatan dalam pentadbiran, penaksiran, pemungutan dan penguatkuasaan pembayaran cukai pendapatan, cukai pendapatan petroleum, cukai keuntungan harta tanah, duti harta pesaka, duti setem dan apa-apa cukai lain sebagaimana yang dipersetujui antara Kerajaan dengan Lembaga;

untuk menasihati Kerajaan mengenai perkara-perkara yang berhubungan dengan percukaian dan menghubungi Kementerian dan badan berkanun yang sewajarnya mengenai perkara-perkara tersebut;

untuk turut serta di dalam atau di luar Malaysia berkenaan dengan perkara-perkara yang berhubungan dengan percukaian; dan

untuk melaksanakan apa-apa fungsi lain yang diberi kepada Lembaga oleh mana-mana undang-undang bertulis lain.”

SEKSYEN 10A
AKTA 533

“walau apa pun seksyen 10, Lembaga boleh bertindak sebagai ejen pemungutan untuk dan bagi pihak mana-mana badan untuk mendapatkan pinjaman yang kena dibayar balik kepada badan itu di bawah mana-mana undang-undang bertulis.”

URUSETIA
LEMBAGA
TAHUN 2000

Aishah binti Abdul Manaf
Marina binti Abd Aziz

*Pengarah Pentadbiran
Pegawai Khas kepada Ketua
Eksekutif*

ALAMAT RASMI

Tingkat 16, Blok 11, Bangunan Pejabat Kerajaan, Jalan Duta,
50600 KUALA LUMPUR

MESYUARAT
ANGGOTA
LEMBAGA

Lembaga Hasil Dalam Negeri telah mengadakan 7 mesyuarat dalam tahun 2000.

PERJANJIAN
AGENSI

Perjanjian Agensi antara Kerajaan Malaysia dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri telah ditandatangani pada 31 Disember 1998.



ANGGOTA LEMBAGA



TAN SRI DR. SAMSUDIN BIN HITAM

P.S.M., D.P.M.T., D.P.M.P., J.S.M., K.M.N., A.M.N.

*Ketua Setiausaha Perbendaharaan,
Kementerian Kewangan Malaysia.*

Tan Sri Dr. Samsudin bin Hitam mula berkhidmat dalam perkhidmatan awam sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik pada tahun 1970. Beliau kemudian dinaikkan pangkat kepada Pengarah/Timbangan Ketua Pengarah di Unit Perancangan Ekonomi, Pejabat Perdana Menteri. Beliau kini merupakan Pengerusi/Ahli Lembaga kepada beberapa buah agensi, antaranya Bank Negara Malaysia, Majlis Kumpulan Wang Amanah Pencen, dan Syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan seperti Sistem Penerbangan Malaysia, Putrajaya Holding, Multimedia Development Corporation Sdn. Bhd., Petronas, Syarikat Harta dan Tanah serta Khazanah Nasional Berhad. Tan Sri Dr. Samsudin bin Hitam menggantikan Tan Sri Othman bin Mohd. Rijal sebagai Pengerusi LHDN pada 4 Jun 2000.

TAN SRI SAMSUDIN BIN OSMAN

P.M.N., S.I.M.P., D.P.M.S., P.G.D.K., J.S.M., P.M.P., A.M.N.

*Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia.*

Memegang Ijazah Sarjana dalam bidang pentadbiran awam. Beliau telah memulakan perkhidmatannya sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik di Jabatan Perkhidmatan Awam sejak tahun 1969. Beliau pernah menyandang jawatan Ketua Setiausaha di Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna serta Setiausaha Persekutuan Sabah.



DATO' ZAITUN ZAWIYAH BINTI PUTEH

D.P.M.P., K.M.N.

*Ketua Bahagian Penasihat dan Antarabangsa,
Jabatan Peguam Negara Malaysia.*

Seorang peguam berkelulusan siswazah dari Lincoln's Inn pada tahun 1972 dan telah berkhidmat dalam perkhidmatan awam sejak tahun 1973. Sebahagian besar tempoh kerjaya beliau adalah merupakan sebagai penasihat dan penggubal undang-undang. Antara jawatan pegawai kanan undang-undang yang disandang oleh beliau adalah Pesuruhjaya Penyemak Undang-undang, Penggubal Undang-undang Parlimen dan Ketua Bahagian Guaman di Jabatan Peguam Negara.

DATUK SITI HADZAR BINTI MOHD. ISMAIL

P.J.N., J.S.M., K.M.N.

*Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Dasar),
Kementerian Kewangan Malaysia.*

Memegang Ijazah Sarjana dalam bidang ekonomi analisa dan pembangunan. Beliau telah berkhidmat dengan perkhidmatan awam sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik sejak tahun 1971, kemudian dinaikkan pangkat kepada beberapa jawatan pegawai kanan di Unit Perancangan Ekonomi. Selain daripada memegang jawatan kanan dalam perkhidmatan awam, beliau merupakan Ahli Lembaga Pengarah beberapa agensi seperti Suruhanjaya Sekuriti, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Malaysian International Shipping Corporation Berhad dan Kontena Nasional Berhad.



SITI MASLAMAH BINTI OSMAN

J.S.M., K.M.N.

*Akauntan Negara Malaysia,
Jabatan Akauntan Negara Malaysia.*

Seorang akauntan berkanun dan ahli badan Chartered Institute of Management Accountants, United Kingdom. Beliau telah berkhidmat sebagai seorang akauntan dalam Perkhidmatan Awam sejak 1972. Beliau telah berkhidmat di pelbagai jabatan kerajaan dan agensi, antaranya adalah Jabatan Telekom Malaysia, Bank Simpanan Nasional dan Jabatan Akauntan Negara. Beliau juga merupakan Ahli Lembaga beberapa buah agensi seperti Universiti Kebangsaan Malaysia, Kumpulan Wang Simpanan Guru, Yayasan Laporan Kewangan, Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia dan Sistem Transit Aliran Ringan.

DR. MOHAMED ARIFF BIN ABDUL KAREEM

Pengarah Eksekutif

Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia.

Berkelulusan ijazah kedoktoran dari Universiti of Lancaster, United Kingdom. Beliau merupakan seorang pakar ekonomi antarabangsa dan sebahagian besar kerjayanya terlibat dengan perdagangan antarabangsa, pelaburan langsung antarabangsa, dan ekonomi persepaduan kawasan. Dr. Mohamed Ariff pernah menjadi perunding kepada banyak organisasi antarabangsa termasuk World Bank (Washington DC), UNIDO (Vienna), OECD Development Centre (Paris), Commonwealth Secretariate (London), UNCTAD (Geneva), UNCRD (Nagoya), ESCAP (Bangkok) and Islamic Development Bank (Jeddah). Beliau juga merupakan Ahli Lembaga kepada Pusat Daya Pengeluaran Negara dan Perkeso.



DATIN DR. UMI KALSUM BINTI MOHD. NOH

K.M.N

Konsultan Swasta

Memegang ijazah Ph.D dalam bidang kewangan awam dari Universiti Malaya. Beliau merupakan pegawai kanan kerajaan di Kementerian Kewangan dari tahun 1974 hingga 1993, sebelum menamatkan perkhidmatannya dengan perkhidmatan awam untuk menyertai Kumpulan Syarikat Renong yang terlibat dalam pengurusan dan pembinaan projek. Dr. Umi Kalsum telah dilantik sebagai Pengarah Urusan/Pengarah Eksekutif Kinta Kellas Public Ltd dan kini merupakan Pengerusi Eksekutif Dimensi Tuah Sdn. Bhd. Beliau juga adalah Pengarah Kumpulan Bank EON dan Kosijaya Didatic Sdn. Bhd.

PENGURUSAN
EKSEKUTIF



Dato' Zainol Abidin bin Abd. Rashid*
*Ketua Eksekutif/Ketua Pengarah
Hasil Dalam Negeri*



Dato' Haji Abu Hassan bin Md. Akhir
*Timbalan Ketua Pengarah
Pengurusan dan Sokongan*



Nujumudin bin Mydin
*Timbalan Ketua Pengarah
Teknikal dan Perundangan*



Lim Heng How
*Timbalan Ketua Pengarah
Pematuhan dan Pencegahan*

** (Dilantik ke jawatan sekarang mulai 1 Ogos 2000)*

PENGURUSAN KANAN




Duduk Dari Kiri:

Ab. Rahim bin Abdullah (*Pengarah Akademi Percukaian Negara*)
 Hasmah binti Abdullah (*Ketua Bahagian Teknikal*)
 Mohd Saian bin Hj. Ridzuan (*Ketua Bahagian Operasi*)

Berdiri Dari Kiri:

Dr. Siti Mariam binti Che Ayub (*Ketua Bahagian Perancangan Korporat dan Penyelidikan*)
 Mohd. Ibrahim bin Mohd Ismail Merican (*Ketua Akauntan [menanggung]*)
 Md. Ghazali bin Md. Yusop (*Pengurus Bahagian Teknologi Maklumat*)
 Aishah binti Abdul Manaf (*Pengarah Bahagian Pentadbiran*)
 Wan Noorsiah binti Wan Abdullah (*Ketua Bahagian Penyiasatan dan Perisikan*)
 Lim Gaik Hwa (*Ketua Bahagian Kualiti dan Audit Dalam*)
 Che Omar bin Abdul Rahaman (*Ketua Bahagian Audit Cukai*)
 Mohd. Zaid bin Ismail (*Ketua Bahagian Antarabangsa dan IOFC*)
 Salmah binti Kasim (*Ketua Bahagian Undang-undang*)

STRUKTUR ORGANISASI



PERUTUSAN PENGURUSI



Saya berpuashati dengan pencapaian Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dalam melaksanakan tanggungjawabnya terbukti apabila jumlah yang dipungut adalah melebihi daripada anggaran yang disemak oleh Kerajaan. Pencapaian ini adalah memberangsangkan.

Saya berharap LHDN akan terus meningkatkan prestasi dan usaha pemungutan cukai langsung supaya berada di tahap yang optimum. Bagi mencapai tujuan tersebut LHDN akan menggunakan segala kepakaran dan sumber-sumber yang sedia ada untuk :

- n meningkatkan perkhidmatan yang disediakan kepada pembayar cukai bagi memudahkan dan membantu mereka dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai pembayar cukai.
- n meningkatkan tahap kecekapan dan keberkesanan pengurusan serta proses kerja melalui penggunaan teknologi maklumat.
- n membaharui dan menambah tahap kepakaran pegawai melalui latihan dan latihan semula bagi menghadapi perubahan di dalam sistem dan proses kerja di bawah sistem yang dikenali sebagai Sistem Taksiran Tahun Semasa (STTS) dan Sistem Taksir Sendiri (STS) yang mula dilaksanakan dalam tahun ini.

Pelaksanaan STTS dan STS secara berperingkat-peringkat mulai tahun ini adalah di antara langkah Kerajaan dalam memoden dan memperkemaskan sistem pentadbiran cukai langsung serta membolehkan pengutipan cukai dibuat dengan lebih cekap dan menggambarkan prestasi ekonomi semasa. Adalah menjadi tanggungjawab LHDN meningkatkan tahap pematuhan sukarela pembayar cukai kepada undang-undang cukai yang merupakan pra-syarat kepada kejayaan pelaksanaan STS. Ini bermakna LHDN mesti mempergiatkan program pembelajaran, kesedaran dan pematuhan melalui aktiviti penerangan, tinjauan luar (street survey) dan audit cukai.

Saya ingin mengambil kesempatan ini menyatakan penghargaan saya kepada semua warga LHDN di atas usaha dan sumbangan mereka serta berharap mereka akan lebih mempergiatkan lagi usaha-usaha ke arah memberi kejayaan kepada LHDN di tahun-tahun hadapan.

Tan Sri Dr. Samsudin bin Hitam
Pengerusi Lembaga

ULASAN KETUA EKSEKUTIF




Tahun 2000 adalah amat bermakna dan mencabar kepada saya yang telah dilantik untuk menerajui Lembaga Hasil Dalam Negeri sebagai Ketua Eksekutif/Ketua Pengarah. Ini adalah satu penghormatan dan cabaran berat yang perlu dilaksanakan. Cabaran awal adalah bagi meneruskan prestasi dan pencapaian cemerlang Lembaga yang telah ditunjukkan dengan sumbangan hasil yang melebihi 45 peratus kepada hasil pendapatan Kerajaan Persekutuan pada setiap tahun. Bagi tahun 2000, LHDN telah mencatatkan kutipan cukai sejumlah RM29.17 billion, iaitu peningkatan sebanyak 7.8 peratus daripada tahun 1999. Ini adalah sejajar dengan pertumbuhan ekonomi negara yang telah mencatatkan pertumbuhan pada kadar 7.5 peratus.

Prestasi Pungutan Hasil Dan Taksiran Cukai

Pada keseluruhannya hasil cukai langsung telah meningkat daripada RM27 billion dalam tahun 1999 kepada RM29 billion. Kutipan hasil bertambah baik selaras dengan pemulihan ekonomi yang


Peratusan Pungutan Hasil Kepada Hasil Kerajaan Persekutuan



terus mantap. Ekonomi Malaysia telah kembali kukuh pada tahun 2000 selepas pulih dari krisis kewangan yang mula melanda negara dalam tahun 1997. Seperti tahun-tahun sebelumnya komponen cukai pendapatan syarikat merupakan penyumbang utama dengan mencatat sebanyak 47.93 peratus daripada jumlah keseluruhan kutipan.

Dalam Belanjawan 1999 Kerajaan telah menetapkan untuk melepaskan cukai ke atas pendapatan yang diterima dalam tahun 1999 kecuali pendapatan dividen (iaitu bagi tahun taksiran 2000 tahun sebelum) supaya tidak membebankan pembayar cukai dalam tempoh peralihan Sistem Taksiran Tahun Sebelum kepada Sistem Taksiran Tahun Semasa (STTS). Ini bermakna mulai tahun 2000 pembayar cukai membuat bayaran cukai adalah berdasarkan kepada pendapatan yang diterima dalam tahun semasa kecuali bayaran cukai pendapatan bagi petroleum. Langkah ini telah memastikan aliran tunai kerajaan melalui cukai langsung menggambarkan prestasi ekonomi semasa. Disamping meneruskan program tahunan penaksiran, pungutan dan


Komponen Utama Cukai Langsung



penguatkuasaan, LHDN telah mempergiatkan usaha membesarkan asas percukaian melalui aktiviti tinjauan luar (*street survey*), meningkatkan tahap pematuhan sukarela pembayar cukai melalui aktiviti khidmat pelanggan dan audit cukai, serta memastikan keberkesanan penguatkuasaan melalui aktiviti penyiasatan dan perisikan.

Pengurusan dan Pentadbiran

Jumlah perbelanjaan mengurus LHDN dalam tahun 2000 telah meningkat sebanyak 4.14 peratus jika dibandingkan dengan tahun sebelumnya. Perbelanjaan tersebut adalah tertumpu kepada bayaran gaji, manfaat dan perubatan pekerja, sewa ruang pejabat, percetakan, perjalanan dan pengangkutan. LHDN telah meneruskan amalan perbelanjaan berhemat dalam melaksanakan program dan aktiviti tahunan dengan mendahulukan program dan aktiviti yang utama dan penting kepada peningkatan hasil kutipan cukai. Sepanjang tahun 2000 keutamaan adalah diberikan kepada program dan aktiviti berkaitan dengan pelaksanaan STS, peningkatan khidmat pelanggan dan peningkatan kecekapan dalam pentadbiran undang-undang cukai. Secara keseluruhan prestasi pengurusan adalah amat mengalakkan di mana bandingan kos pengurusan dengan sumbangan hasil pungutan mengalami kejatuhan dari 1.14 peratus dalam tahun 1999 kepada 1.11 peratus dalam tahun ini.



Perkhidmatan Pelanggan


Usaha-usaha meningkatkan kemudahan dan keselesaan pembayar cukai sentiasa diberi keutamaan. LHDN mempunyai rangkaian perkhidmatan merangkumi kaunter pertanyaan, kaunter bayaran, pembayaran melalui Bank Bumiputera Commerce Berhad, serta perkhidmatan secara khusus dan langsung diberikan kepada pembayar cukai dan ejen cukai iaitu seperti khidmat nasihat, ceramah dan taklimat percukaian. Dalam pelaksanaan STS, LHDN mengendalikan kursus dan latihan sebagai langkah menyedia dan menyedarkan pembayar cukai kepada sistem percukaian dan pemakaian undang-undang baru itu.

Antara lain LHDN telah mengadakan beberapa seminar, ceramah dan taklimat kepada pembayar cukai dan ejen cukai mengenai penggunaan Borang Cukai Pendapatan yang baru (Borang C) bagi kumpulan pembayar cukai syarikat.

Dalam usaha LHDN untuk mendekati pembayar cukai, ungkapan 3M iaitu MESRA, MEMBANTU DAN MEMUASKAN telah diperkenalkan sebagai komitmen Lembaga

dalam menyediakan perkhidmatan yang cekap, berkesan dan profesional kepada pembayar cukai dan orang awam seiring dengan dasar kualiti LHDN iaitu sentiasa memberi perkhidmatan yang berkualiti kepada pelanggan.

Selaras dengan pemencaran aktiviti pungutan bagi menyenangkan pembayar cukai mengurus bayaran cukai mereka, LHDN telah mewujudkan 8 unit pungutan lagi di cawangan-cawangan penaksiran di seluruh negara. Sehingga kini, sebanyak 11 unit pungutan telah diwujudkan selain daripada cawangan pungutan utama yang terdapat di Jalan Duta, Kota Kinabalu dan Kuching. Dalam usaha untuk mempelbagaikan perkhidmatan bayaran kepada pembayar cukai, LHDN juga telah mengadakan perbincangan dengan beberapa buah bank bagi memperluaskan khidmat pembayaran melalui bank.





Teknologi Komunikasi dan Maklumat [ICT]

Selaras dengan perkembangan teknologi komunikasi dan maklumat, pada 1 November 2000 LHDN telah melaksanakan sistem INTACT (*Integration of Assessment and Collection System*) bagi pembayar cukai yang berdaftar dengan cawangan-cawangan di Semenanjung Malaysia untuk mempercepatkan proses taksiran dan pungutan cukai. Manakala bagi Sabah dan Sarawak sistem INTACT akan diperkenalkan pada awal bulan April 2001. Sistem ini direka bentuk untuk mengintegrasikan sistem penaksiran, pungutan, cukai pegangan dan cukai keuntungan harta tanah yang selama ini diproses secara berasingan. Dengan yang demikian, penyediaan taksiran, pengakaunan bayaran, kemasukan, pemindahan dan pengumpulan maklumat pembayar cukai disimpan setempat yang membolehkan maklumat taksiran dan pungutan dirujuk secara atas talian. LHDN juga sedang membuat kajian kesesuaian untuk melaksanakan program penghantaran Borang Cukai Pendapatan secara elektronik melalui kaedah **e-filing dan e-filing**.

Dalam meningkatkan keberkesanan dan kecekapan pengurusan LHDN, penggunaan ICT dipergiatkan melalui aplikasi sistem internet dan intranet (Automasi Pejabat). Pelaksanaan kedua-dua sistem ini bukan sahaja dapat mengurangkan penggunaan memo tetapi juga mempercepatkan serta melicinkan perhubungan antara bahagian, cawangan dan unit yang seterusnya dapat meningkatkan interaksi antara kakitangan Lembaga di seluruh negara.

Sumber Manusia

Bagi memenuhi keperluan tenaga kerja di bawah perancangan penstrukturan semula LHDN dan pelaksanaan STS, Lembaga telah memohon pertambahan 455 perjawatan baru Pegawai Eksekutif Penaksiran. Pengambilan pegawai baru daripada mereka yang berkelulusan dalam bidang kewangan khususnya bidang perakaunan dan percukaian akan dapat memantapkan lagi jentera pentadbiran percukaian di masa hadapan. Sebagai usaha berterusan untuk meningkatkan profesionalisme di kalangan pegawai LHDN, program pendidikan, latihan dan latihan semula terutama dalam bidang audit, perakaunan dan undang-undang cukai telah diadakan sepanjang tahun bagi meningkatkan kemahiran dan pengetahuan mereka.

Tinjauan Tahun 2001

Dengan prospek kedudukan ekonomi negara terus menggalakkan, kutipan hasil untuk tahun 2001 dijangka akan meningkat berikutan dengan prospek semua sektor ekonomi dijangka mengalami pertumbuhan positif. Seperti yang telah dinyatakan dalam Laporan Ekonomi 2000/2001, anggaran kutipan hasil dijangka mencecah angka RM33.8 billion. Sehubungan dengan itu, LHDN akan meneruskan perancangan dan pelan tindakan organisasi selaras dengan dasar-dasar yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kewangan.

Penghargaan

Pengurusan LHDN ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada semua Anggota Lembaga Pengarah di atas sokongan dan nasihat bijaksana mereka sepanjang tahun ini. Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada semua kakitangan di atas kesungguhan dan sumbangan mereka dalam mencapai prestasi yang membanggakan setiap tahun. Saya mengharapkan kesetiaan, dedikasi dan komitmen yang berterusan daripada mereka pada tahun-tahun akan datang. Akhir kata, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua pembayar cukai terutamanya mereka yang menjadi pembayar cukai aktif dan mematuhi undang-undang cukai secara sukarela.


Dato' Zainol Abidin bin Abd. Rashid

Ketua Eksekutif / Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri

PENCAPAIAN OPERASI

PENAKSIRAN


Pengeluaran Borang Cukai Pendapatan



Penerimaan Borang Cukai Pendapatan



Penaksiran Borang Cukai Pendapatan




* Nota: Aktiviti pengeluaran, penerimaan dan penaksiran Borang Cukai Pendapatan adalah berkaitan dengan pendapatan yang diterima dalam tahun 1999 (tahun di mana cukai pendapatan dilepaskan).

PUNGUTAN


Taksiran dan Pungutan Cukai Pendapatan

		1999	2000
TAKSIRAN	Bilangan taksiran	1,849,738	1,913,064
	Jumlah taksiran	RM28,079,640,802	RM11,122,685,752
PUNGUTAN	Cukai yang dipungut	RM25,194,816,412	RM27,119,237,275
Dicampur cukai pegangan atas faedah dan royalti :-			
	Bayaran kepada bukan pemastautin (S109)	RM333,023,938	RM335,610,087
	Bayaran ke atas pendapatan tertentu (S109B)	RM433,212,836	RM455,346,625
	Bayaran faedah kepada pemastautin (S109C)	RM24,857,544	RM18,177,599
	Bayaran kompaun (S124)	RM9,409,957	RM11,116,505
JUMLAH PUNGUTAN CUKAI PENDAPATAN		RM25,995,320,687	RM27,939,488,091
Ditolak pembayaran balik		RM1,500,609,113	RM2,181,015,217
PUNGUTAN BERSIH CUKAI PENDAPATAN		RM24,494,711,574	RM25,758,472,874

Jumlah Pungutan Hasil berbanding Unjuran




Komponen Cukai Langsung Tahun 2000




PEMATUHAN


Tinjauan Luar



Audit Cukai



Penyiasatan



PERHUBUNGAN ANTARABANGSA

DASAR

Dalam usaha kerajaan menggalakkan kemasukan pelaburan jangka panjang dan memperkukuhkan ketahanan dan daya saing ekonomi negara, Malaysia perlu mengenalpasti pemodal dan rakan perdagangan yang berpotensi.

Di dalam konteks ini, LHDN sebagai penasihat percukaian kepada kerajaan telah mewujudkan suasana pelaburan dan perdagangan yang menarik semasa mengadakan rundingan Perjanjian Pengelakan Pencukaian Dua Kali (PPPDK) dengan negara-negara yang mempunyai potensi kepakaran, modal dan sumber-sumber perdagangan lain. Disamping itu PPPDK yang telah termeterai perlu juga dikaji semula supaya dapat memenuhi kehendak negara dan sistem percukaian antarabangsa masakini.

PERJANJIAN PENGELAKAN PENCUKAIAN DUA KALI (PPPDK)

Rundingan PPPDK dalam tahun 2000	PPPDK yang ditandatangani secara rasmi dalam tahun 2000	PPPDK yang diratifikasi dalam tahun 2000
• Chile • Croatia • Iran • Luxembourg • Oman	• Kyrgyzstan	• Jordan • Malta • Australia (protokol)

Pada keseluruhannya, 44 PPPDK telah berkuatkuasa, 9 PPPDK telah ditandatangani dan diwartakan, 12 PPPDK telah selesai dirundingkan dan 6 PPPDK masih dalam proses rundingan.

PPPDK YANG TELAH BERKUATKUASA

	Amerika Syarikat (Perjanjian Terhad)		Ireland		Republik Czech
	Arab Saudi (Perjanjian Terhad)		Itali		Republik Rakyat China
	Australia		Jepun (Perjanjian Baru)		Romania
	Austria		Jerman		Russia



Bangladesh



Jordan



Singapura



Belanda



Kanada



Sri Lanka
(Perjanjian Baru)



Belgium



Korea Selatan



Sweden



Denmark



Mauritius



Switzerland



Emiriah Arab
Bersatu



Mongolia



Taiwan
(Perintah Pelepasan
Cukai)



Filipina



New Zealand



Thailand



Fiji



Norway



Turki



Finland



Pakistan



United
Kingdom
(Perjanjian Baru)



Hungary



Papua New
Guinea



Uzbekistan



India



Perancis



Vietnam



Indonesia



Poland

PPPK YANG TELAH DITANDATANGANI DAN DIWARTAKAN



Albania



Malta



Namibia



Argentina
(Perjanjian Terhad)



Mesir



Sudan



Bahrain



Myanmar



Zimbabwe

PPPK YANG TELAH SELESAI DIRUNDING



Afrika Selatan



Kazakstan



Maghribi



Brunei



Kuwait



Oman



India
(Perjanjian Baru)



Kyrgyzstan



Singapura
(Perjanjian Baru)



Iran



Luxembourg



Sweden
(Perjanjian Baru)

PPPK YANG MASIH DIRUNDINGKAN



Chile



Finland
(Perjanjian Baru)



Sepanyol



Croatia



Mexico



Uruguay

PERSIDANGAN ANTARABANGSA

Malaysia telah diberi penghormatan untuk menganjurkan *Study Group on Asian Tax Administration and Research* (SGATAR) Ke 31, di Kuala Lumpur mulai 4 November hingga 9 November 2001. Terdapat dua aktiviti utama SGATAR iaitu persidangan tahunan dan projek penyelidikan SGATAR.

Bagi mendedahkan pegawai LHDN kepada pengurusan percukaian di peringkat antarabangsa beberapa orang pegawai telah dihantar untuk mengambil bahagian di persidangan, seminar, mesyuarat, bengkel dan kursus serta menerima lawatan sambil belajar dari beberapa buah negara seperti berikut:

SEMINAR

Tajuk	Tempat	Tarikh
Transfer Pricing	Chonan, Korea Selatan	12 - 17 April 2000
The Working Level Seminar for SGATAR Members	Bangkok, Thailand	15 - 16 Jun 2000
Tax Treaties and Transfer Pricing	Paris, Perancis	20 - 22 September 2000
Auditing Multinational Enterprises	Chonan, Korea Selatan	9 - 13 Oktober 2000
Tax Modelling	Vienna, Austria	10 - 14 Oktober 2000

KURSUS

Tajuk	Tempat	Tarikh
Executive Development Program for Malaysian Government Officials	Korea Selatan	8 - 28 Mei 2000
Government at Risk - How to Manage Contingent Liabilities	Washington, Amerika Syarikat	30 Mei - 2 Jun 2000
Tax Analysis and Revenue Forecasting	Harvard University, Amerika Syarikat	19 Jun - 21 Julai 2000
Commonwealth Tax Inspectors Course	United Kingdom	14 Ogos - 22 September 2000
Principles Of International and Comparative Taxation	Belanda	21 Ogos - 1 September 2000
General Tax Course	Jepun	21 Ogos - 18 November 2000





PERSIDANGAN

Tajuk	Tempat	Tarikh
Budgeting Processes and Public Expenditure Management	Washington, Amerika Syarikat	18 - 26 Mei 2000
30th SGATAR Conference	Kyoto, Jepun	13 - 16 November 2000
8th General Meeting - CATA'S 21st Technical Conference/Workshop	New Delhi, India	27 November - 1 Disember 2000

MESYUARAT

Tajuk	Tempat	Tarikh
TAG's Proposal Physical Meeting	Paris, Perancis	6 - 7 April 2000
CATA Management Committee Meeting	London, United Kingdom	9 -10 Mei 2000
Trade and Investment Mission to the United States of America	Denver, Portland dan San Jose, Amerika Syarikat	18 - 25 Mei 2000

BENGKEL

Tajuk	Tempat	Tarikh
Bengkel CATA/OECD/APN	Akademi Percukaian Negara, Bangi, Malaysia	2 - 20 Oktober 2000

LAWATAN DELEGASI LUAR NEGARA

Delegasi	Tarikh
Indonesia	18 Januari 2000
Professor Ann Harding dari Universiti of Canberra atas tajuk "Tax Forecasting"	26 Januari 2000
Kementerian Kewangan Indonesia - Studi Banding Mengenai Penyelesaian Pajak	23 Mac 2000
Kementerian Kewangan Vietnam	19 - 21 Julai 2000
Mesir	14 Ogos 2000
Russia	24 Ogos 2000
Encik Yoshiyasu Okada, Deputy Commissioner, National Tax Administration, Jepun	18 Oktober 2000

PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

TENAGA KERJA


Dalam tahun 2000, seramai 69 pegawai baru telah dilantik bagi mengisi kekosongan jawatan-jawatan yang merangkumi kategori Pegawai Eksekutif Penaksiran (Gred 7), Penolong Pegawai Eksekutif (Gred 9) dan Staf Sokongan (Gred 11 dan 15). Program pengambilan baru ini adalah selaras dengan pelaksanaan STS dan peningkatan aktiviti utama cawangan khususnya kerja-kerja penaksiran dan pungutan.

Rancangan pengurusan sumber manusia juga melibatkan urusan kenaikan pangkat seramai 39 pegawai. LHDN sentiasa peka terhadap kerjaya warganya pada semua peringkat dan sentiasa berusaha untuk memaju serta meningkatkan prestasi mereka melalui kursus-kursus dalaman dan luaran.

Dalam usaha melahirkan pegawai yang berpengetahuan bukan sahaja dalam hal-hal percukaian malah pengetahuan lain yang berhubung kait dengan percukaian, kualiti latihan keseluruhannya yang dilaksanakan di Akademi Percukaian Negara (APN) telah dipertingkatkan dengan kursus-kursus yang mempunyai nilai tambah sepanjang tahun 2000. Sistem penilaian dan pemarkahan baru telah diperkenalkan dalam tahun 2000 agar pegawai LHDN akan lebih komited kepada latihan yang disediakan bagi menghasilkan pegawai yang serba boleh dalam bidang percukaian.


Di samping program dalaman, APN juga mengendalikan kursus luaran di bawah Program Pembelajaran Cukai khusus untuk orang awam, wakil syarikat swasta dan ejen cukai baru. Tumpuan telah diberikan kepada aspek perundangan dan perubahan dalam sistem serta proses kerja bagi menyediakan mereka kepada Sistem Taksir Sendiri.

Pengagihan Tenaga Kerja Mengikut Aktiviti







Pengambilan Baru Mengikut Gred



Kenaikan Pangkat Mengikut Gred



Perjawatan dan Pengisian Mengikut Kategori



PROGRAM LATIHAN

Latihan Dalam Perkhidmatan	Kursus Induksi Umum dan Khusus Kumpulan Sokongan Gred 11, 12, 13 dan 14	Bilangan Peserta 408
	Latihan Asas Pegawai Eksekutif (Penaksiran) Gred 7 dan Pembantu Tadbir (Penaksiran) Gred 11	197
	Bengkel Undang-undang I & II dan Akaun I & II Pegawai Eksekutif (Penaksiran) Gred 7	247
	Bengkel Undang-undang I & II Pembantu Tadbir (Penaksiran) Gred 11	42
Latihan Kemahiran	Lanjutan Modul Undang-undang I & II Pegawai Eksekutif (Penaksiran) Gred 7	392
Latihan Pengkhususan dan Kemajuan Diri	Kursus Peningkatan Kemahiran Pegawai Eksekutif (Penaksiran) Gred 6 dan 7 dan Kumpulan Sokongan Gred 11, 13 dan 14	1,262
	Kursus Audit Pegawai Eksekutif (Penaksiran) Gred 7	518
Program Pembelajaran Cukai	Kursus Latihan Pelatih Penyelaras Utama Cawangan dan Ejen Cukai Pegawai Eksekutif (Penaksiran) Gred 7 dan Ejen Cukai	120
	Kursus Sistem Taksir Sendiri Orang Awam	2,006
Kursus Antarabangsa	The General Tax Administration Course (GTAC) Kursus ini telah dihadiri oleh pentadbir cukai dari negara-negara membangun termasuk Malaysia adalah di bawah anjuran Program Kerjasama Teknikal Malaysia. Tujuan utama kursus adalah bagi mendedahkan konsep, idea dan teknik pengurusan moden yang berkaitan dengan pentadbiran cukai.	25
	Workshop on Taxation of International Transactions Penyertaan bengkel terdiri daripada pentadbir cukai dari negara-negara Komanwel termasuk Malaysia. Bengkel diadakan dengan kerjasama <i>The Commonwealth Association of Tax Administrators</i> dan <i>The Organization for Economic Cooperation and Development</i> . Peraturan percukaian antarabangsa khususnya perjanjian percukaian diberi tumpuan utama.	20

PENINGKATAN INFRASTRUKTUR SISTEM

PEMODENAN SISTEM HASIL

PROJEK

Penyediaan Aplikasi Sistem INTACT

Penyediaan Aplikasi Automasi Pejabat

Penyediaan Infrastruktur Cawangan dan Talian Komunikasi

KEDUDUKAN

Sistem INTACT SG, OG dan C telah dilaksanakan di Semenanjung Malaysia pada 1 November 2000 yang melibatkan 1,500 pengguna. Pelaksanaan di Sabah/Sarawak telah dijadual untuk dilaksanakan pada bulan April 2001.

Kemudahan bagi sistem aplikasi pejabat (OA) telah diperluaskan merangkumi cawangan-cawangan di Sabah dan Sarawak mulai bulan April 2001.

Dalam mempertingkatkan aplikasi OA, beberapa sistem pengguna telah disediakan seperti:-

- Sistem Pengurusan Sumber Manusia
- Sistem Pindah Milik Hartanah
- Sistem Rujukan Teknikal

Sistem-sistem sampingan juga dibangunkan untuk pengguna khususnya Sistem Cuti, Sistem Meja Bantuan (Help Desk), Sistem Penyebaran Maklumat STS, Sistem Perangkaan MPPC dan Sistem Rujukan Manual Pengguna INTACTSG dan OA.

Bagi cawangan di Sabah dan Sarawak, penyediaan infrastruktur seperti pemasangan talian komunikasi dan peralatan telah disiapkan pada bulan April. Penyediaan infrastruktur di atas telah membolehkan aplikasi OA digunakan di cawangan-cawangan berkenaan.

PENINGKATAN SISTEM STS DAN STTS

Pembangunan secara keseluruhan telah dimulakan apabila LHDN melantik perunding daripada syarikat XYBASE Technologies (M) Sdn. Bhd. pada akhir bulan Mac 2000. Pihak perunding telah menjalankan kajian dan menyediakan keperluan pengguna (*user requirement*) pada peringkat awal. Sehingga akhir tahun 2000, kira-kira 60 peratus sistem reka bentuk dan pembinaan telah dilaksanakan. Ujian pengguna aplikasi STS dan perubahan aplikasi STTS di jangka dapat dilaksanakan pada awal tahun 2001.

PERANCANGAN TAHUN 2001

- Pelaksanaan INTACTSG di Sabah dan Sarawak.
- Peningkatan rangkaian talian **COINS** daripada 64kbs kepada 128 kbs dan talian *back-up* ISDN di cawangan-cawangan Semenanjung.
- Pelaksanaan Fasa I dan II bagi sistem STS.
- Penyediaan *recovery data centre* di Jalan Duta.
- Pelaksanaan *e-payment*, bayaran cukai melalui internet.
- Peningkatan sistem INTACTSG dan aplikasi OA.
- Penyediaan aplikasi sistem *e-stamping*.
- Penyediaan spesifikasi bagi pembangunan sistem STS bagi kumpulan selain daripada pembayar cukai syarikat.

SISTEM TAKSIR SENDIRI (STS)

PERUNDANGAN

Pindaan kepada dan peruntukan baru dalam Akta Cukai Pendapatan 1967 dibawa melalui Akta Cukai Pendapatan (Pindaan) 2000 yang bertujuan khusus untuk pelaksanaan STS seperti berikut:

SEKSYEN	HURAIAN
21A	Seksyen baru khas bagi syarikat sahaja (seksyen 21 dipinda supaya tidak dipakai lagi untuk syarikat).
90	- Asas taksiran ditukar daripada tahun asas kepada tempoh asas bagi syarikat yang mempunyai pendapatan bukan daripada punca perniagaan. - Berbangkit dari itu, peruntukan yang berkaitan dalam seksyen 26, 44 dan 92 juga dipinda dengan sesuai.
107C	Subseksyen (2A) yang baru dimasukkan untuk membolehkan Ketua Pengarah membuat taksiran jika syarikat tidak mengembalikan Borang Cukai Pendapatan.
108	Subseksyen (9) dipinda untuk memperuntukkan bahawa jumlah amaun ansuran yang tidak dibayar yang kena dibayar dan kenaikan sebanyak 10 peratus boleh dituntut sebagai cukai yang terhutang dan kena dibayar.
119A	- Seksyen ini diganti dan peruntukan yang baru dimasukkan supaya kehendak seksyen tersebut selaras dengan tempoh asas dan STS. - Konsep kredit cukai untuk mengagih dividen ditukar daripada cukai yang kena dibayar kepada cukai yang telah dibayar. - Pindaan yang berbangkit juga dibuat dalam seksyen 110 untuk membenarkan Ketua Pengarah membuat taksiran/taksiran tambahan atas pemegang saham jika syarikat gagal membayar cukai yang kena dibayar di bawah seksyen 103A atau lebih cukai di bawah seksyen 108. - Pindaan berbangkit juga dibuat dalam seksyen 111 dan 120. - Seksyen baru dimasukkan untuk memperuntukkan bahawa mana-mana orang yang mengingkari atau tidak mematuhi perintah atau notis di bawah seksyen 82 (berkaitan dengan penyimpanan rekod) adalah melakukan kesalahan yang boleh dihukum.

KETETAPAN UMUM KELUARAN 2000

Nombor	Tajuk
1/2000	Tempoh Asas Bagi Suatu Punca Bukan Perniagaan
2/2000	Tempoh Asas Bagi Suatu Punca Perniagaan (Syarikat/Koperasi)
3/2000	Tempoh Asas Bagi Suatu Punca Perniagaan (Individu & Orang Selain Daripada Syarikat/Koperasi)
4/2000	Penyimpanan Rekod Yang Mencukupi (Syarikat & Koperasi)
5/2000	Penyimpanan Rekod Yang Mencukupi (Individu & Perkongsian)
6/2000	Penyimpanan Rekod Yang Mencukupi (Orang Selain Daripada Syarikat/Individu)
7/2000	Memberi Kemudahan Dan Bantuan Yang Munasabah
8/2000	Pelarian Cukai Dengan Sengaja Dan Kesalahan Yang Berkaitan

PELAKSANAAN

Pindaan Rang Undang-Undang untuk STS adalah tertumpu kepada skop seksyen 108 dan tempoh asas tahun taksiran manakala pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan berkaitan pelaksanaan STS diwartakan pada 23 Disember 2000. Bagi memantapkan lagi proses penggubalan perundangan, suatu jawatankuasa baru iaitu **Majlis Perundingan STS** ditubuhkan.

Di samping menghasilkan perundangan dan ketetapan yang berkaitan dengan pelaksanaan STS, jawatankuasa-jawatankuasa yang bertindak telah menyediakan Borang Cukai Pendapatan C bagi Tahun Taksiran 2001 untuk pembayar cukai syarikat bersama-sama buku penerangan pengisian borang tersebut.

Bagi melengkapkan peralihan proses kerja STS, Manual Audit Cukai diedarkan kepada semua penaksir yang menjalankan proses audit sementara latihan dan kursus audit untuk mereka giat dijalankan. Selaras dengan itu, buku panduan audit cukai sedang diusahakan sebagai bahan rujukan prosedur kerja.



Dari aspek teknologi maklumat, reka bentuk dan pengujian bagi data modul dan pembangunan sistem pesat dijalankan. Ia merangkumi modul-modul pungutan, pemprosesan borang, audit, pengurusan pelanggan dan teknikal. Pakar perunding telah dilantik untuk pembangunan perisian bersepadu, penetapan dokumentasi dan pemindahan teknologi berkaitan pelaksanaan STS. Objektif pelaksanaan adalah untuk menyelesaikan isu berhubung dengan peningkatan kadar pematuhan cukai, memudahkan proses taksiran dan mempercepatkan proses pungutan, analisa dan pertanyaan data.

Penerangan yang jelas amat penting dalam pelaksanaan STS. Di samping bahan rujukan dan pembelajaran seperti buku panduan dan risalah STS untuk penerangan dan publisiti kepada orang ramai, LHDN mengadakan latihan pelatih kepada ejen cukai dan kursus di peringkat negeri kepada pembayar cukai. Melalui portal internet www.hasilnet.org.my, maklumat terkini dipaparkan. Saluran pertanyaan e-mel yang disediakan membantu pengguna untuk mendapat kepastian lanjut mengenai kemusykilan yang dihadapi berhubung dengan STS.



PINDAAN UNDANG-UNDANG PERCUKAIAN 2001

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

- Menyamakan layanan cukai di antara pembayar cukai lelaki dan wanita, dengan membenarkan suami membuat pilihan untuk ditaksir bersama atas nama isteri dan diberi pelepasan suami sebanyak RM3,000.
- Rebat cukai dinaikkan daripada RM110 kepada RM350 (bagi individu) dan daripada RM60 kepada RM350 (bagi isteri), had kelayakan dinaikkan kepada pendapatan tercukai RM35,000.
- Potongan baru bagi pemeriksaan perubatan (maksimum RM500) dan pembelian buku, jurnal, majalah, untuk penambahan ilmu pengetahuan (maksimum RM500).
- Skop potongan diperluas untuk meliputi perbelanjaan berkaitan dengan teknologi komunikasi dan maklumat; perbelanjaan dalam memperuntukkan biasiswa kepada pelajar; dan bagi maksud mendapatkan perakuan sistem kualiti dan piawaian dan perakuan halal.
- Pemberian wang kepada sesuatu institusi yang diluluskan dihad kepada tidak melebihi 5 peratus daripada pendapatan agregat syarikat.
- Had perbelanjaan loji yang layak bagi kenderaan bermotor dinaikkan kepada RM100,000 (kos kenderaan tidak melebihi RM150,000).

AKTA PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN) 1967

Diselaraskan dengan peruntukan yang sama dalam Akta Cukai Pendapatan 1967, iaitu:

